

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN YANG GAGAL SERAH INFRASTRUKTUR  
KEPADA KERAJAAN**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan projek-projek pembangunan oleh pemaju yang gagal serah infrastruktur kepada Kerajaan.
- b) Apakah tindakan terhadap pemaju yang gagal menyerahkan infrastruktur kepada Kerajaan?
- c) Apakah tindakan terhadap pemaju untuk memastikan infrastruktur bawah penyenggaraan pemaju adalah secara baik dan selamat digunakan oleh penduduk?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak pelaksanaan Dasar Rumah Selangorku pada tahun 2014, tiada projek pembangunan Rumah Selangorku yang gagal menyerahkan infrastrukturnya kepada pihak Kerajaan. Kesemua **31 projek** pembangunan Rumah Selangorku telah berjaya disiapkan bersama-sama kerja-kerja infrastruktur seperti mana disyaratkan sebelum diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Teknikal Kerajaan (JKR, JPS dll.) dan Agensi Utuliti (TNB, SYABAS dll) untuk tujuan penyelenggaraan.
- b) Sekiranya pihak pemaju gagal menyerahkan infrastruktur kepada pihak Kerajaan Negeri, pembangunan yang sedang dibina oleh pihak pemaju tidak akan diberikan sokongan bagi proses pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) oleh PBT. Selain daripada itu, projek pembangunan lain di bawah seliaan pemaju tidak akan diluluskan oleh PBT selagi penyerahan infrastruktur tersebut tidak disempurnakan.
- c) Bagi memastikan infrastruktur projek Rumah Selangorku ini selamat dan berada dalam keadaan yang baik untuk digunakan oleh penduduk, Kerajaan Negeri kini dalam proses menyediakan **Manual Pengurusan Dan Penyelenggaraan Rumah Selangorku** yang mana manual tersebut bertujuan memastikan penyerahan infrastruktur dan pengurusan bangunan dari pihak JMB (*Joint Management Body*) kepada Persatuan Penduduk (*Management Comitee*) dilakukan secara teratur. Manual ini juga menjadi panduan dan *standard of operation* (SOP) kepada pemaju untuk melaksanakan pengurusan

dan penyenggaraan secara teratur bermula dari tarikh penyerahan milikan kosong lagi serta memastikan pemilik sudah dididik dengan budaya menetap di pangsapuri sejak awal. Ini bagi memudahkan JMB mengambil alih pengurusan daripada pemaju dengan lebih mudah dan tersusun dan mengekang kebergantungan pemilik dengan Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan berterusan dan berpanjangan. Dalam manual, satu kaedah kawalan secara administratif diwujudkan bagi mengawal isu penyewaan RSKU melalui elemen pengisytiharaan daripada pemilik tentang matlamat sebenar memiliki unit RSKU yang merupakan hartanah kawalan selepas selesai program penerangan oleh pemaju semasa penyerahan milikan kosong.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : TABUNG BENCANA ALAM SELANGOR**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peruntukan yang telah digunakan untuk bencana alam mengikut DUN sejak 2013 sehingga 2018.
- b) Nyatakan berapa tunggakan permohonan bayaran yang belum dibayar mengikut DUN?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor secara rasminya pada bulan Julai 2014 bagi menggantikan fungsi dan tugas Majlis Keselamatan Negara Negeri Selangor yang diletakkan secara terus di bawah YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Justeru itu, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor mencerap data secara menyeluruh bagi sembilan (9) daerah mulai tahun 2015 sehingga kini. Perincian penggunaan peruntukan yang telah digunakan untuk bencana alam mengikut daerah bagi tahun 2015 sehingga 2018 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.
- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Akaun Amanah Tabung Bencana Khas Negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah RM50,000.00 kepada sembilan (9) Tabung Bencana Daerah yang diurussetiakan oleh sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah bagi tujuan pembayaran sumbangan wang ihsan secara terus kepada mangsa bencana yang terkesan mengikut kadar yang telah ditetapkan di dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 (Trustdeed). Lanjutan daripada itu, Pejabat Daerah dan Tanah akan membuat tuntutan rekupmen kepada Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor untuk menyalurkan semula peruntukan yang telah digunakan melalui Akaun Amanah Tabung Bencana Khas Negeri Selangor.

Sekiranya berlaku kejadian bencana berskala besar yang melibatkan mangsa yang ramai dan memerlukan peruntukan melebihi RM50,000.00, pihak Pejabat Daerah dan Tanah dibenarkan untuk memanjangkan permohonan peruntukan khas kepada Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor untuk diangkat kelulusan penyaluran kepada Ahli Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Amanah Tabung Bencana Khas Negeri Selangor. Secara keseluruhannya, sehingga 31 Julai 2019 kesemua tuntutan rekupmen daripada Pejabat Daerah dan Tanah

yang melibatkan sumbangan ihsan kepada mangsa bencana telah diselesaikan.

**LAMPIRAN 1**

<b>DAERAH</b>	<b>TAHUN (RM)</b>				<b>JUMLAH (RM)</b>
	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	
Hulu Selangor	53,870.00	72,858.83	75,968.55	123,555.78	326,253.16
Sabak Bernam	29,650.00	8,678.62	103,834.59	19,840.21	162,003.42
Kuala Selangor	182,310.00	248,472.50	77,880.99	58,300.00	566,963.49
Klang	147,250.60	535,028.00	226,384.98	212,850.00	1,121,513.58
Petaling	47,300.00	96,200.00	36,680.80	182,650.00	362,308.00
Hulu Langat	82,000.00	111,811.66	367,500.00	230,950.00	792,261.66
Gombak	167,311.59	188,322.92	251,813.69	99,635.31	707,083.51
Kuala Langat	27,300.00	25,600.00	42,430.80	18,100.00	113,430.80
Sepang	121,500.00	108,000.00	75,035.16	60,750.00	365,285.16
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>858,492.19</b>	<b>1,394,972.53</b>	<b>1,257,529.56</b>	<b>1,006,631.30</b>	<b>4,517,102.78</b>

Jadual 1: Sumbangan Wang Ihsan bagi Tahun 2015 sehingga tahun 2018

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : KEBERSIHAN NEGERI**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kos pengurusan sisa pepejal mengikut PBT dengan peratusan daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan PBT.
- b) Apakah tindakan untuk menambah baik pengurusan kebersihan negeri?
- c) Apakah perancangan pelaksanaan pengasingan sampah di Selangor?

**JAWAPAN:**

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPBT), UPEN**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PENGURUSAN JMB-MC**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kawasan rumah flat kos rendah yang mengalami masalah disebabkan JMB/MC yang tidak berfungsi mengikut DUN?
- b) Apakah usaha Kerajaan untuk menyelesaikan JMB/MC yang tidak aktif?
- c) Adakah Kerajaan merancang untuk mengambil alih kos pengurusan jalan dan longkang di sekeliling flat kini bawah tanggungjawab JMB/MC?

**JAWAPAN:**

- a) Merujuk kepada rekod Pesuruhjaya Bangunan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sejumlah 399 kawasan pangsapuri kos rendah yang mengalami masalah pengurusan kerana JMB/MC tiada atau tidak berfungsi mengikut kawasan PBT setakat 15 Julai 2019 seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH KAWASAN</b>
1	MBSA	82
2	MBPJ	34
3	MPK	12
4	MPSJ	102
5	MPAJ	30
6	MPS	20
7	MPKj	113
8	MPSp	1
9	MDHS	4
10	MDKL	0
11	MDKS	1
12	MDSB	0
<b>JUMLAH</b>		<b>399</b>

- b) Bermula tahun 2019, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program K-Squad (Pemberdayaan Komuniti) untuk menyelesaikan isu pangsapuri pangsapuri kos rendah yang mengalami masalah pengurusan kerana JMB/MC tiada atau tidak berfungsi. Ini adalah kerana, walaupun Pesuruhjaya Bangunan, Pihak

Berkuasa Tempatan mempunyai kuasa untuk melantik ejen pengurusan di bawah Seksyen 86 Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] untuk mengambilalih pangsapuri yang bermasalah tersebut, namun kuasa tersebut tidak dapat dilaksanakan berikutan tiada ejen pengurusan yang berminat. Oleh itu, melalui Program K-Squad, ejen pengurusan yang bersedia menguruskan pangsapuri yang bermasalah ini menerima bayaran fi ejen dari Kerajaan Negeri bagi tempoh 6 bulan pada kadar RM6.00 seunit petak (50% lebih rendah dari kadar fi yang ditetapkan seperti Jadual 7, Akta Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah 1981 [Akta 242]). Manual Pengurusan Ejen K-Squad juga telah disediakan supaya pengurusan yang dilaksanakan oleh ejen pengurusan terbabit mencapai standard piawaian yang ditetapkan. Jangkaan output yang akan diperolehi daripada program K-squad adalah pangsapuri kos rendah yang bermasalah dapat diuruskan secara teratur dan professional melalui pengurusan kewangan dan bangunan yang akauntabiliti serta pendidikan kepada pemilik tentang budaya kehidupan strata yang berterusan agar memudahkan mengambilalih oleh JMB/MC selepas 1-3 tahun.

Jumlah pangsapuri yang terlibat dalam program K-Squad adalah 55 kawasan terdiri dari 17,645 unit petak dengan nilai kos RM561,994.20 seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>FASA</b>	<b>JUMLAH KAWASAN</b>	<b>JUMLAH UNIT</b>	<b>NILAIAN KOS (RM)</b>
1	Fasa Satu	10	5,689	193,858.20
2	Fasa Dua	45	11,956	368,136.00
<b>JUMLAH</b>		<b>55</b>	<b>17,645</b>	<b>561,994.20</b>

- c) Kerajaan Negeri telah mendapatkan input awal dari Pesuruhjaya Bangunan, Pihak Berkuasa Tempatan berhubung jumlah kawasan pangsapuri kos rendah yang bukan di bawah pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan. Daripada input yang diperolehi, adalah dianggarkan kos tambahan yang perlu ditanggung untuk kerja-kerja turap jalan, potong rumput dan landskap, bil dan senggaraan lampu jalan, senggara saliran longkang serta kutipan sampah pukal adalah sejumlah RM179,695,112.88 setahun. Selain itu, perkara pengambilalihan ini juga perlu dibincangkan di peringkat Persekutuan kerana ianya melibatkan persempadanan kawasan Berkuasa Tempatan yang termaktub di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PENGOPERASIAN KUARI**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah lesen yang telah diluluskan untuk pengoperasian kuari dengan mengikuti DUN?
- b) Apakah impak positif dan negatif kepada Kerajaan atas penambahan aktiviti kuari?
- c) Bagaimana untuk memastikan aktiviti kuari tidak melakukan pencemaran yang menjejaskan kehidupan penduduk?

**JAWAPAN:**

- a) Data maklumat kuari yang diluluskan untuk pengoperasian kuari yang masih aktif di Negeri Selangor adalah seperti jadual di bawah :

<b>Kuari Di Bawah Pentadbir Tanah Daerah Selangor</b>			
<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>DUN</b>	<b>Kelulusan Permit</b>
1.	Hulu Langat	Dusun Tua (N.23)	5
		Semenyih (N.24)	7
		Balakong (N.27)	3
2.	Gombak	Rawang (N.14)	6
3.	Kuala Langat	Sijangkang (N.51)	2
4.	Hulu Selangor	Batang Kali (N.07)	1
5.	Kuala Selangor	Jeram (N.12)	1
<b>Jumlah</b>			<b>25</b>

<b>Kuari Di Bawah Pejabat Perhutanan Negeri Selangor (Rizab Hutan Simpan Kekal)</b>			
<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>DUN</b>	<b>Kelulusan Permit</b>
1.	Hulu Langat	Dusun Tua (N.23)	1
		Semenyih (N.24)	1
2.	Gombak	Kuang (N.13)	6
		Hulu Kelang (N.18)	1
<b>Jumlah</b>			<b>9</b>

*\* Sumber Rujukan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor*

b) Antara impak positif adalah seperti :

- (i) Peningkatan kutipan hasil Kerajaan Negeri melalui kutipan royalti setiap pengeluaran bahan batuan granit/ kuari;
- (ii) Pembukaan kawasan-kawasan baharu yang boleh dibangunkan pada masa-masa akan datang;
- (iii) Sumber bahan batuan yang tinggi untuk permintaan pembangunan setempat;
- (iv) Meningkatkan ekonomi penduduk di kawasan setempat melalui peningkatan peluang pekerjaan terutama dalam sektor pembuatan dan perindustrian;
- (v) Penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas yang lebih baik; dan
- (vi) Menggalakkan pemindahan teknologi dan kepakaran serta perkembangan R&D.

Antara impak negatif adalah seperti :

- (i) Pencemaran habuk, bunyi dan gegaran terutama kawasan kuari berhampiran dengan perumahan; dan
- (ii) Kemungkinan keadaan jalan keluar masuk lori berlaku kerosakan dan kekotoran yang membahayakan pengguna jalan raya, pertambahan bilangan lori yang boleh menyebabkan kesesakan lalulintas.

Agensi-agensi teknikal yang terlibat sentiasa membuat pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan untuk meminimakan negatif ini dari semasa ke semasa.

- c) Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar dan perundangan bagi memastikan impak negatif (pencemaran) yang menjejaskan kehidupan penduduk dapat dikawal dengan baik. Selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kelestarian alam sekitar, antara ketetapan yang telah disyaratkan kepada pengusaha-pengusaha kuari adalah seperti berikut :
- (i) Penetapan syarat-syarat Permit 4C (Seksyen 74 (a) KTN) yang ditetapkan melalui Pentadbir Tanah berkaitan;
  - (ii) Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) adalah agensi mengawal segala aktiviti-aktiviti pengkuarian berdasarkan Skim Melombong yang telah diluluskan;
  - (iii) Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah agensi mengawal kesan alam sekeliling yang melibatkan aktiviti-aktiviti pengkuarian dengan syarat-syarat yang telah diluluskan melalui Laporan Kesan Alam Sekeliling (EIA);
  - (iv) Selangor Quarry Rules, 2003 adalah salah satu rujukan dan panduan yang digunakan bagi mengawal tatacara operasi pengkuarian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : TABUNG BENCANA ALAM**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan permohonan dengan tarikh yang belum diluluskan oleh Kerajaan sejak tahun 2018.
- b) Apakah dan berapa lama proses Kerajaan untuk meluluskan Tabung Bencana Alam kepada mangsa?

**JAWAPAN:**

- a) Semua permohonan rekupmen dan peruntukan khas bagi sumbangan wang ihsan kepada mangsa bencana di peringkat Negeri Selangor telah diselesaikan dalam tahun semasa. Walau bagaimanapun, di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah proses bancian dan pengumpulan dokumen lengkap daripada mangsa bencana dibuat secara kolektif sepanjang tahun.
- b) Kerajaan Negeri Selangor akan memproses penyaluran wang ihsan kepada mangsa dengan kaedah seperti berikut:

**i. Kategori kejadian bencana berskala kecil:**

Pejabat Daerah dan Tanah akan memproses tuntutan wang ihsan daripada pihak mangsa dalam tempoh masa tujuh (7) hari sekiranya penyaluran adalah tidak melebihi jumlah RM50,000.00 dan dokumen lengkap mangsa seperti salinan kad pengenalan ketua keluarga, laporan dan bukti bergambar kejadian bencana yang dialami serta laporan polis.

**ii. Kategori kejadian bencana berskala besar:**

Kejadian bencana yang berskala besar adalah melibatkan jumlah amaun sumbangan yang melebihi RM50,000.00 dan bilangan mangsa yang ramai akan diproses dalam tempoh masa satu (1) bulan daripada tempoh permohonan. Proses bancian mangsa yang terkesan akan dilaksanakan terlebih dahulu dan pengumpulan dokumen lengkap serta semakan di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah. Walau bagaimanapun, penyaluran sumbangan kepada mangsa akan disalurkan dengan kadar segera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : TANAH UNTUK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah tanah yang telah diwartakan untuk kegunaan rumah ibadat bukan Islam dengan perbandingan tahun 2007 dan 2019 dengan mengikut DUN.
- b) Senaraikan tanah rumah ibadat bukan Islam yang masih kosong untuk permohonan.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri mempunyai data bermula tahun 2008. Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri Selangor melalui Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam telah menyokong sebanyak 314 tapak dengan jumlah keluasan sebanyak 622,003.22 meter persegi untuk tujuan Rumah Ibadat Selain Islam. Berikut adalah statistik jumlah tapak tanah yang telah disokong bagi tujuan rumah ibadat selain Islam mengikut Daerah sejak tahun 2008 sehingga Mac 2019 seperti di **Jadual** di bawah.

<b>PETALING</b>		
<b>Tahun</b>	<b>Bilangan tapak</b>	<b>Jumlah Tanah (Meter persegi)</b>
<b>2008</b>	10	12,209.68
<b>2009</b>	6	14,062.32
<b>2010</b>	6	10,067.83
<b>2011</b>	3	12,129.82
<b>2012</b>	6	13,016.02
<b>2013</b>	8	21,166.51
<b>2014</b>	3	2,328.64
<b>2015</b>	6	7,013.07
<b>2016</b>	6	7,494.43
<b>2017</b>	5	7,744.29
<b>2018</b>	2	1,858.03
<b>2019</b>	7	12,232.00
	<b>68</b>	<b>121,322.64</b>

<b>HULU LANGAT</b>		
<b>Tahun</b>	<b>Bilangan tapak</b>	<b>Jumlah Tanah (Meter persegi)</b>
<b>2008</b>	9	29,098.93
<b>2009</b>	1	1,497.00
<b>2010</b>	2	790.00
<b>2011</b>	3	5,409.86
<b>2012</b>	3	2,920.32
<b>2013</b>	3	3,336.00
<b>2014</b>	3	2,565.59
<b>2015</b>	4	5,243.00
<b>2016</b>	2	1,355.00
<b>2017</b>	8	15,570.25
<b>2018</b>	11	14,278.79
<b>2019</b>	1	2,344.70
	<b>50</b>	<b>84,409.44</b>
<b>GOMBAK</b>		
<b>Tahun</b>	<b>Bilangan tapak</b>	<b>Jumlah Tanah (Meter persegi)</b>
<b>2008</b>	3	2,530.15
<b>2009</b>	4	14,995.09
<b>2010</b>	1	3,232.00
<b>2011</b>	0	0
<b>2012</b>	1	2,896.00
<b>2013</b>	5	6,881.80
<b>2014</b>	0	0
<b>2015</b>	0	0
<b>2016</b>	5	16,220.82
<b>2017</b>	3	2,553.00
<b>2018</b>	0	0
<b>2019</b>	0	0
	<b>22</b>	<b>49,308.86</b>
<b>KLANG</b>		
<b>Tahun</b>	<b>Bilangan tapak</b>	<b>Jumlah Tanah (Meter persegi)</b>
<b>2008</b>	14	18,529.99
<b>2009</b>	3	7,648.48
<b>2010</b>	3	6,149.48

2011	5	11,329.70
2012	1	223
2013	4	8,257.31
2014	6	6,497.47
2015	6	7,696.43
2016	12	17,697.50
2017	4	5,298.12
2018	1	550
2019	1	362
	<b>60</b>	<b>90,239.48</b>
<b>SEPANG</b>		
<b>Tahun</b>	<b>Bilangan tapak</b>	<b>Jumlah Tanah (Meter persegi)</b>
2008	2	3,544.14
2009	1	5,475
2010	1	929.03
2011	2	1,956.00
2012	2	15,318.77
2013	0	0
2014	3	9,771.00
2015	1	223
2016	0	0
2017	1	2,588
2018	5	4,569.28
2019	1	1,323.32
	<b>19</b>	<b>45,697.54</b>
<b>KUALA LANGAT</b>		
<b>Tahun</b>	<b>Bilangan tapak</b>	<b>Jumlah Tanah (Meter persegi)</b>
2008	4	15,597.79
2009	3	56,815.70
2010	2	6,242.42
2011	0	0
2012	0	0
2013	4	4,046.86
2014	0	0
2015	1	2,367
2016	4	1,858
2017	2	1,693

2018	1	3,035.14
2019	0	0
	<b>21</b>	<b>91,655.91</b>
<b>KUALA SELANGOR</b>		
<b>Tahun</b>	<b>Bilangan tapak</b>	<b>Jumlah Tanah (Meter persegi)</b>
2008	0	0
2009	0	0
2010	2	1,616.80
2011	6	11,651.07
2012	3	2,877.72
2013	3	13,039.96
2014	4	1,045.48
2015	0	0
2016	6	8,056.61
2017	2	4,123.00
2018	0	0
2019	0	0
	<b>26</b>	<b>42,410.64</b>
<b>HULU SELANGOR</b>		
<b>Tahun</b>	<b>Bilangan tapak</b>	<b>Jumlah Tanah (Meter persegi)</b>
2008	0	0
2009	5	9,845.83
2010	4	4,064.92
2011	2	5,092.00
2012	1	1,768.00
2013	1	2,148.00
2014	1	478.00
2015	3	8,972.00
2016	5	4,843.76
2017	2	1,533.00
2018	2	7,130.00
2019	2	1,610.00
	<b>28</b>	<b>47,485.51</b>
<b>SABAK BERNAM</b>		
<b>Tahun</b>	<b>Bilangan tapak</b>	<b>Jumlah Tanah (Meter persegi)</b>



<b>2008</b>	1	4,237
<b>2009</b>	1	5,534
<b>2010</b>	1	1,292.1
<b>2011</b>	4	11,936.00
<b>2012</b>	2	5,237.00
<b>2013</b>	4	14,673.00
<b>2014</b>	2	1,160.00
<b>2015</b>	1	929.03
<b>2016</b>	1	232
<b>2017</b>	1	1,945.07
<b>2018</b>	1	1,718.00
<b>2019</b>	1	580.00
	<b>20</b>	<b>49,473.00</b>

- b) Pada masa ini, terdapat 77 tapak bagi tujuan rumah ibadat selain Islam yang masih kosong di negeri Selangor. Berikut adalah senarai tapak-tapak tersebut seperti di **Jadual 2** di bawah :

<b>BIL</b>	<b>NAMA TEMPAT/ LOT</b>	<b>BIL TAPAK</b>	<b>LUAS (EKAR)</b>
<b>MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)</b>			
1.	No. 6, Jalan Tasik Chenderoh U4/28, Kwasa Damansara, Seksyen U4, Shah Alam.	1	2.00
2.	No. 1, Persiaran Setia Makmur, Setia Alam, Seksyen U13, Shah Alam.	1	0.50
3.	No. 2, Jalan Setia Perdana U13/31, Seksyen U13, Shah Alam.	1	0.50
4.	No. 2, Jalan Shorea U15/35A, Seksyen U15, Shah Alam.	1	0.51
5.	No. 4, Jalan Shorea U15/35A, Seksyen U15, Shah Alam.	1	0.51
6.	No. 6, Jalan Shorea U15/35A, Seksyen U15, Shah Alam.	1	0.51
7.	No. 3, Persiaran Elmina 1, Elmina, Seksyen U17, Shah Alam.	1	0.50
8.	No. 10, Persiaran Elmina, Seksyen U17, Elmina, Shah Alam.	1	0.50
9.	No. 4, Persiaran Elmina 1, Elmina, Seksyen U17, Shah Alam.	1	0.50
10.	No. 6, Persiaran Elmina 1, Seksyen U17,	1	0.50

<b>BIL</b>	<b>NAMA TEMPAT/ LOT</b>	<b>BIL TAPAK</b>	<b>LUAS (EKAR)</b>
	Elmina, Shah Alam.		
<b>MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)</b>			
1.	Lot 70260 Jalan PJU 10/1C, Damansara Damai	1	0.5
2.	Lot 68498 Jalan PJU 10/4C, Damansara Damai	1	0.18
3.	Lot 70325 Jalan PJU 10/7, Damansara Damai	1	0.54
4.	Lot 72078 Jalan PJU 8/8, Damansara Perdana	1	1.14
5.	Lot 84921 Jalan PJU 8/3B, Damansara Perdana	1	0.96
<b>MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)</b>			
	TIADA	TIADA	TIADA
<b>MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)</b>			
	TIADA	TIADA	TIADA
<b>MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKJ)</b>			
1.	Jade Hills	1	0.22
2.	Kajang 2	1	0.25
3.	Cheras Selatan	1	0.22
4.	Bandar Damai Perdana	1	0.22
5.	Serene Height	1	0.53
6.	Alam Sari	1	0.60
7.	Pelangi Semenyih	1	0.25
8.	Taman Sempurna Jaya	1	0.25
9.	Diomind Resident	1	0.25
10.	Eco Majectic	1	1.00
11.	Setia Ecohill 2	1	0.75
12.	Bandar Tasik Kesuma	1	0.43
13.	Semenyih Parkland	1	0.30
14.	Eco Forest	1	0.81
<b>MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)</b>			
1.	Bandar Tasik Puteri	2	3.6
2.	Taman Tasik Residensi	1	2
<b>MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSp)</b>			

<b>BIL</b>	<b>NAMA TEMPAT/ LOT</b>	<b>BIL TAPAK</b>	<b>LUAS (EKAR)</b>
1.	Bandar Serenia	2	1.42
2.	Saujana KLIA	1	0.5
3.	Warisan Puteri	1	1.05
4.	Salak Perdana	1	1.00
5.	Southville City	1	0.86
<b>MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)</b>			
1.	Taman Desaminium Lot 64505	1	0.98
2.	Taman Puncak Jalil Lot 89882	1	0.51
3.	Putra Heights Lot 92406	1	1.02
4.	Taman Puchong Prima Lot 611723	1	0.27
<b>MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)</b>			
1.	Eco Grandeur	7	2.06
2.	Bandar Seri Coalfields	2	1.81
3.	Hillpark Puncak Alam	1	0.50
4.	Saujana Perdana	1	0.51
<b>MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)</b>			
1.	Bandar Bukit Beruntung	2	1.0
2.	Bandar Utama Batang Kali	1	0.5
<b>MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)</b>			
1.	Bandar Rimbayu	4	1.5
2.	Bandar Tropicana Aman	6	2.98
3.	Bandar Saujana Putra	2	1.30
4.	Bandar Gamuda Cove	4	1.31
5.	Kawasan Perindustrian Bandar Mahkota Banting	1	0.30
6.	Bandar Mahkota Banting	1	0.42
7.	Kota Seri Langat	1	10.68
8.	PNB – Laman Aspirasi	1	1.27
9.	Bandar Peranginan Morib	1	12.0
<b>MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)</b>			
	TIADA	TIADA	TIADA

**Jadual 2**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : MASALAH PROJEK SAKIT**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan projek JPS, JKR dan PBT yang mempunyai status projek sakit.
- b) Nyatakan sebab yang menyebabkan projek sakit di Selangor.
- c) Apakah langkah Kerajaan Negeri Selangor mengurangkan kejadian projek sakit berlaku?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Untuk makluman, mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK 4.5), Tatacara Pengurusan Projek Sakit dan Pelantikan Kontraktor Penyiap Bagi Projek Sakit, projek sakit adalah projek yang mengalami kelewatan melebihi dua (2) bulan atau 20% (mengikut mana yang terdahulu) berbanding jadual yang ditetapkan dalam kontrak dan kontraktor adalah tidak berupaya untuk memperbaiki prestasinya.

Pada masa ini terdapat 8 projek sakit di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor seperti senarai di bawah.

<b>BIL.</b>	<b>PROJEK</b>	<b>SEBAB LEWAT</b>
1	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Di Pekan Meru, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	Isu pengalihan utiliti.
2	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Di Sekolah Tengku Ampuan Rahimah (STAR)	Keadaan semasa di tapak yang bersebelahan dengan kawasan perumahan menyebabkan rekabentuk semula projek.
3	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sg. Kedondong Dari Ch 0 Hingga Ch 1150 Dan Kerja-Kerja Berkaitan Daerah Petaling, Selangor	Isu perobohan struktur haram di rizab sungai yang belum dilaksanakan.
4	Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang Di Sungai Pelempas Dan Kerja-Kerja Berkaitan Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan (Fasa 1)	Isu perobohan struktur haram di rizab sungai yang belum dilaksanakan.

BIL.	PROJEK	SEBAB LEWAT
5	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kuang Fasa 1, Mukim Rawang, Daerah Gombak - Projek Menaiktaraf Anak Sungai Kuang Di Bandar Baru Kundang Dan Kerja-Kerja Berkaitan, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor	Isu bantahan daripada tokong dan pencerobohan kawasan kolam takungan. Kawasan kolam takungan telah diwartakan pada 28.03.2019.
6	Projek Tebatan Banjir Di Sg. Jijan, Mukim Labu	Isu pengalihan utiliti.
7	Projek Tebatan Banjir Sungai Jenderam, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Isu bantahan daripada orang asli. Jajaran projek merupakan kawasan rayau orang asli.
8	Projek Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Di Belakang Plaza Hugo, Sg. Chua, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor (Fasa 2)	Isu pengalihan utiliti.

Manakala bagi Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor pula terdapat 6 projek sakit iaitu:

BIL.	PROJEK	SEBAB LEWAT
1	Menaiktaraf Jalan Melati, Kuang, Mukim Rawang	Pengalihan utiliti (TNB, Digi, TM)
2	Menaiktaraf B27, Jalan Rawang - Batang Berjantai (Fasa 2) Dari Persimpangan Bandar Country Homes Ke Sempadan Daerah Kuala Selangor	kelewatan pihak kontraktor melaksanakan kerja di tapak.
3	Membina Jambatan Di Atas Lebuhraya Utara Selatan Di Jalan Batu Arang - Batang Berjantai	i. Isu banjir ii. Permit LLM iii. Utiliti
4	Menaiktaraf Jalan B23 Jalan Sg Tua Dan Persimpangan Kg. Bendahara, Sungai Tua	i. Utiliti ii. Perobohan tembok kuil iii. Banjir
5	Menaiktaraf Jalan Kg. Lombong Fasa 1 & Fasa 2	Kelewatan Kerja Pengalihan Utiliti (Syabas & Telekom Malaysia, TM) menyebabkan kerja-kerja lain seperti <i>earthworks</i> , kerja-kerja longkang, <i>geotechnical</i> dan <i>pavement</i> tidak dapat dilaksanakan. Di mana kelewatan kerja pengalihan Syabas adalah kerana pertambahan skop <i>line stooing</i> dari pihak Syabas bagi mengurangkan risiko <i>piping diversion delay</i> . Manakala

BIL.	PROJEK	SEBAB LEWAT
		kelewatan kerja pengalihan TM adalah kerana kelewatan dan ketidaksediaan barangan dari pihak TM seperti <i>ducting</i> , <i>GI piping</i> dan <i>mainhole</i> serta perubahan dan penambahan skop kerja oleh pihak TM.
6	Menaiktaraf Jalan Semenanjung Bernam 3	Peralihan utiliti TNB dan paip SYABAS. Pihak utiliti lewat dalam memberikan pengesahan skop dan kos. Namun begitu, pihak TNB telah mengeluarkan surat tiada halangan bagi pengalihan tiang elektrik kepada JKR Daerah Sabak Bernam dengan anggaran sebanyak RM90,000,000.00.

Sementara itu, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM3 juta tahun 2019 bagi projek-projek PBT. Projek-projek PBT ini hanyalah projek-projek kecil yang kebanyakannya hanya bernilai di bawah RM100 ribu dan tempoh siap sekitar 2 hingga 3 bulan. Setakat ini, projek-projek ini tiada yang berstatus projek sakit.

- c) Kerajaan Negeri melalui UPEN sentiasa memantau pelaksanaan projek-projek fizikal bagi memastikan setiap projek dapat disiapkan mengikut perancangan.

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan adalah;

1. Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Pembangunan Kerajaan Negeri (JKTPN) 3 kali setahun bagi memantau projek-projek fizikal di bawah Kerajaan Negeri.
2. Mengadakan lawatan tapak bagi projek terutamanya projek yang berstatus lewat jadual untuk memastikan pelaksanaan projek berjalan mengikut perancangan.
3. Mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama penyedia perkhidmatan utiliti dan agensi pelaksana bagi menyelesaikan isu-isu yang melibatkan pengalihan utiliti dan isu-isu yang berkaitan.
4. Bagi pelaksanaan projek-projek fizikal di bawah Kerajaan Persekutuan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah memantapkan syarat melalui Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020:

Prospek Ekonomi, Teras Strategik dan Penyediaan Projek Pembangunan. Syarat wajib ialah menyelesaikan kerja pengambilan tanah sebelum sesuatu projek dimulakan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri juga turut melaksanakan prinsip/ syarat yang sama seperti Kerajaan Persekutuan iaitu penyelesaian pengambilan tanah diselesaikan sebelum projek tersebut dimulakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : GERAJ-GERAJ PBT**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang telah ambil untuk menyelesaikan masalah gerai-gerai haram?
- b) Nyatakan jumlah gerai-gerai milik mengikut PBT.
- c) Nyatakan gerai-gerai PBT yang telah dibina sejak tahun 2008.

**JAWAPAN:**

- a) Bagi menyelesaikan gerai-gerai haram ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah membuka beberapa zon kawasan penjaja dan melesenkan semula penjaja yang berada di kawasan yang bersesuaian. PBT juga telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas gerai-gerai haram termasuk:
  - i) Tindakan kompaun;
  - ii) Tindakan notis;
  - iii) Tindakan sitaan dan pindah alih;
  - iv) Tindakan perobohan;
  - v) Tindakan pendakwaan; dan
  - vi) Operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

Tindakan penguatkuasaan dilaksanakan oleh Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Bangunan dengan berdasarkan:

- i) Undang-undang kecil (UUK) Penjaja 2007, Peruntukan (3) "iaitu tindakan ke atas aktiviti perniagaan tanpa lesen daripada pihak berkuasa (Majlis)" dan Peruntukan (42) "memberi kuasa penyitaan ke atas semua barangan dan peralatan perniagaan."
- ii) Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) Seksyen 70 (1)" iaitu tindakan ke atas binaan (bangunan) yang dibina tanpa kebenaran pihak.



b) dan c)

<b>PBT</b>	<b>Jumlah gerai yang telah dibina sejak tahun 2008</b>
MBSA	36 lokasi : 624 unit
MBPJ	63 lokasi : 1,261 unit
MPK	767 unit
MPAJ	15 lokasi : 352 unit
MPSJ	322 unit
MPS	2,322 unit
MPKj	489 unit
MPSp	408 unit
MDKL	1,482 unit termasuk petak Pasar Awam dan Pasar Pagi
MDHS	5 lokasi : 86 unit
MDKS	46 lokasi : 266 unit
MDSB	1,288 unit premis merangkumi kedai, kiosk, pasar awam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : MASALAH ARAK**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan PBT untuk menangani isu penjualan arak di kedai serbaneka/runcit secara haram/tanpa lesen?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memberikan lesen kepada premis perniagaan untuk hanya menjual arak sahaja?
- c) Adakah PBT mengambil tindakan serius ke atas premis-premis yang menjual arak selepas jam 9 malam?

**JAWAPAN:**

- a) Isu penjualan arak di kedai serbaneka/ runcit secara haram/ tanpa lesen adalah di bawah bidang kuasa pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pihak Lembaga Pelesenan Eksais Pejabat Daerah dan Tanah. PBT hanya memberi sokongan kelulusan dan ulasan bagi premis perniagaan yang menjual minuman keras berdasarkan kesesuaian premis perniagaan tersebut di dalam kawasan pentadbiran PBT masing-masing.
- b) **PBT hanya melesenkan premis perniagaan** bagi permohonan menjual minuman keras samada kategori runcit atau borong. Kelulusan lesen menjual minuman keras samada runcit atau borong pula di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Daerah Petaling tertakluk dengan syarat-syarat yang perlu dipatuhi.
- c) Premis-premis yang menjual arak perlu mematuhi syarat-syarat lesen/ permit jualan minuman keras yang telah ditetapkan terutamanya tempoh/ masa bagi jualan. Mana-mana premis yang melanggar syarat yang dikeluarkan boleh diambil tindakan oleh pihak PBT dengan tidak menyokong pembaharuan lesen untuk tahun berikutnya dan aduan akan dipanjangkan terus ke Pejabat Tanah & Daerah dan Kastam Malaysia merujuk kepada Seksyen 35 Akta Eksais 1976.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : PENGUATKUASAAN PBT**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah terdapat perbezaan di antara PBT dalam kerja-kerja penguatkuasaan walaupun tergolong dalam kategori Majlis Perbandaran?
- b) Apakah tindakan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan terhadap premis perniagaan yang beroperasi tanpa tong sampah?
- c) Mampukah kerajaan Negeri membekalkan tong sampah kepada Majlis Perbandaran yang tidak mempunyai bajet?

**JAWAPAN:**

- a) Tiada perbezaan dari segi pelaksanaan undang-undang kerana semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggunakan Akta dan Undang-Undang Kecil (UUK) yang sama. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat beberapa kaedah/ cara penguatkuasaan berdasarkan polisi dan dasar PBT masing-masing serta arahan semasa yang dikeluarkan. Kaedah penguatkuasaan perlu disesuaikan mengikut populasi masyarakat, isu semasa dan persekitaran selagi tidak melanggar peraturan/ undang-undang yang digunapakai.
- b) PBT mengenakan tindakan terhadap premis perniagaan yang beroperasi tanpa tong sampah di bawah
  - i) Undang-Undang Kecil Pemungutan Dan Pembuangan Sampah Sarap 2007 iaitu “tidak menyediakan tong sampah yang mencukupi, bertutup dan mengikut jenis ditentukan dan diluluskan oleh pihak majlis serta diselenggara dengan baik.”
  - ii) Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian iaitu “pemegang lesen hendaklah menyediakan tong sampah yang mencukupi seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa sebagai mana untuk menyimpan sampah”
- c) Kerajaan Negeri telah membekalkan lebih daripada 49,500 unit tong sampah bermula tahun 2015 hingga 2018 bukan sahaja PBT yang tidak mempunyai bajet malah kepada semua PBT Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, sekiranya masih terdapat PBT yang tidak mempunyai Bajet yang mencukupi

bagi membekalkan tong sampah, PBT tersebut boleh mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan sewajarnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : INSTITUT DARUL EHSAN (IDE)**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam mengupaya serta meningkatkan peranan Institut Darul Ehsan (IDE) sebagai agensi kajian dasar, intelektual dan kebudayaan khusus dalam memberdaya generasi muda di Selangor?

**JAWAPAN:**

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA INSTITUT DARUL EHSAN (IDE)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PENTERNAK KECIL**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Selangor bantu penternak lembu daging dan lembu susu?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Selangor membantu penternak lembu pedaging dan lembu tenusu dengan menyediakan berbagai-bagai bantuan fiskal dan perkhidmatan. Bantuan fiskal yang diagihkan setiap tahun kepada penternak berpotensi adalah:

- i. Bantuan ternakan pembiak bermutu tinggi,
- ii. Peralatan menternak,
- iii. Bahan binaan untuk membesarkan atau membaiki kandang,
- iv. Penanaman rumput (homeplot), dan
- v. Makanan ternakan.

Perkhidmatan yang disediakan untuk membantu penternak pula adalah:

- i. Konsultasi bagi memulakan projek baharu,
- ii. Pengembangan veterinar untuk menasihati projek sedia ada terutama dalam aspek produktiviti, ekonomi ladang dan kawalan pencemaran,
- iii. Rawatan ternakan,
- iv. Penyiasatan penyakit ternakan seperti post-mortem,
- v. Program pencegahan penyakit seperti pemvaksinan,
- vi. Program pengawalan dan pembasmian penyakit ternakan seperti saringan sampel darah, dan
- vii. Pembiakan secara permanian beradas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : GEJALA SOSIAL**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program pembangunan sosial yang telah dijalankan bagi mengurangkan masalah sosial yang semakin meningkat di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri dalam mencari jalan penyelesaian atau solusi untuk mengatasi masalah gejala sosial secara komprehensif telah mengambil langkah dan inisiatif dengan merancang dan melaksanakan program-program pembangunan sosial seperti berikut:
- i) menubuhkan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial yang bersifat inklusif di setiap daerah yang melibatkan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Ibu Pejabat Polis Daerah, Pejabat Agama Islam Daerah, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, PEMADAM, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendidikan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Ketua-ketua kaum, komuniti dan NGO. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini ialah untuk memberi fokus dalam merancang program dan melaksanakan operasi pencegahan gejala sosial;
  - ii) pelbagai program juga telah dilaksanakan seperti program jelajah di daerah dengan pengisian aktiviti yang bermanfaat seperti forum, program hiburan berinformasi, aktiviti-aktiviti kecergasan seperti larian, pertandingan bola sepak, karom, catur, pameran jabatan serta agensi kerajaan. Selain itu pihak kerajaan juga melaksanakan program-program pengupayaan komuniti dan program jati diri remaja;
  - iii) perkhidmatan kaunseling dan psikologi secara percuma kepada orang awam melalui Pusat Kaunseling Selangor (PKS) atau lebih dikenali sebelum ini sebagai 'Talian Sahabat' juga disediakan sebagai alternatif pemulihan. PKS ini diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan mendapat kerjasama daripada kaunselor sukarela yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. PKS ini beroperasi di Kompleks PKNS, Shah Alam;

- iv) pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga melaksanakan program-program pencegahan bersepadu bersama Pejabat Daerah, PBT, PDRM, Imegresen dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara operasi pencegahan yang dilakukan seperti Operasi Sambutan Tahun Baru, Sambutan Kemerdekaan, Operasi Ajaran Sesat dan Operasi Tabung / Kutipan Derma Tanpa Kebenaran;da
- v) selain itu, pihak Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor di bawah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) telah melaksanakan *Delivery Service* dalam semua aspek dan mengadakan kerjasama dengan masyarakat serta pertubuhan melalui konsep *Community Policing*. Susulan itu, tindakan penguatkuasaan dengan melaksanakan beberapa Operasi Rondaan telah dilakukan serta mewujudkan Polis Bantuan Kontinjen Selangor.
- vi) pendekatan lain yang diambil oleh pihak kerajaan ialah dengan melaksanakan Program Pengupayaan Komuniti Setempat iaitu satu program yang berbentuk penerangan dan pendedahan untuk menangani gejala sosial yang melibatkan penyertaan daripada semua pimpinan masyarakat seperti Ketua Kampung, Ahli Majlis, Pengerusi Persatuan Penduduk, Ketua Komuniti, Jawatankuasa Masjid dan penduduk setempat. Intipati program ini ialah memberi kefahaman kepada pimpinan masyarakat mengenai langkah pencegahan awal dan tindakan susulan jika gejala sosial dan jenayah berlaku di kawasan mereka;
- vii) Program Pemantapan Jati Diri Remaja juga dilaksanakan oleh pihak kerajaan bertujuan menyediakan aktiviti / program berkualiti kepada remaja dengan memberi penekanan kepada penerapan jati diri dan nilai-nilai murni serta pembangunan karakter yang melibatkan pesalah-pesalah muda, pelajar tahfiz, penghuni rumah perlindungan dan remaja PPR; dan
- viii) bagi merealisasikan matlamat Selangor Sejahtera Tanpa Dadah dan seiring dengan gagasan Smart Selangor. Pihak Kerajaan Negeri di bawah **Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan Dan Pembangunan Modal Insan** telah merancang untuk mempergiatkan kempen-kempen kesedaran melalui Program Pemutihan Kawasan *Hotspot* Dadah di Selangor. Selain itu, perancangan lain adalah akan mengadakan forum *auto speed* untuk memberi fokus kepada isu atau masalah mat rempit.



Namun pada tahun 2019, tiada peruntukan khusus disediakan untuk pelaksanaan program-program pembangunan sosial. Oleh itu, perancangan dan pelaksanaan program tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PRESTASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah ada kajian telah dibuat berkenaan tahap kepuasan pelanggan kepada sistem perkhidmatan PBT di Selangor? Jika ada senaraikan.

**JAWAPAN:**

- a) Satu kajian telah dibuat berkenaan tahap kepuasan pelanggan untuk menambahbaik Prestasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor yang telah dijalankan oleh pihak Merdeka Center For Opinion Research dengan beberapa siri seperti berikut:
- i. Siri 1/2014 (Jun-Ogos 2014) dan Siri 2/2014 (September sehingga November 2014)
  - ii. Siri 2015 (November 2015 sehingga Mac 2016) yang merupakan kesinambungan daripada Siri 1/2014
  - iii. Siri 2017 (Februari sehingga Julai 2017)

Objektif dan matlamat cadangan kajian ini adalah untuk meneliti tahap kepuasan pelanggan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan PBT yang diberikan, mengukur tahap penglibatan antara kerajaan tempatan dan masyarakat.

Selain itu juga, setiap 2 tahun sekali, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan melaksanakan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) yang dahulunya dikenali sebagai Sistem *Star Rating* PBT ke atas prestasi penyampaian perkhidmatan 101 PBT di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan. Berdasarkan penilaian tersebut, secara keseluruhannya terdapat peningkatan 5 bintang daripada tahun 2016 iaitu semua PBT Negeri Selangor telah memperoleh penarafan 5 bintang untuk tahun 2018. Berikut adalah 12 PBT mengikut turutan di bawah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan:

<b>Tahun</b>	<b>PBT</b>	<b>(%)</b>
2018	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	97.60
	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	97.50

<b>Tahun</b>	<b>PBT</b>	<b>(%)</b>
	Majlis Bandaraya Ampang Jaya (MPAJ)	96.85
	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	96.74
	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	96.29
	Majlis Daerah Subang Jaya (MPSJ)	96.04
	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	96.03
	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	95.20
	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	94.71
	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	93.64
	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	92.66
	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	91.61

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : SUMBANGAN KEPADA MASJID, SURAU DAN RUMAH IBADAT DI  
DUN KOTA DAMANSARA N39 OLEH KERAJAAN NEGERI SERTA  
AGENSI KERAJAAN NEGERI (MBI DAN LAIN-LAIN)**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa sumbangan yang telah dan akan diberikan kepada masjid, surau atau rumah ibadat di N39 untuk tahun ini dan 5 tahun yang lepas (2014-2018)?
- b) Untuk apakah sumbangan tersebut telah digunakan atau akan digunakan?
- c) Bilakah sumbangan tersebut telah atau akan disalurkan?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, CSR MBI menerima banyak permohonan dari masjid, surau dan sekolah di Negeri Selangor setiap tahun. Permohonan ini tidak melalui Pejabat DUN, maka tiada maklumat spesifik mengikut kawasan.
- b) Sumbangan diberikan bertujuan untuk mengimarahkan aktiviti yang dianjurkan oleh masjid dan surau serta membantu memastikan masjid-masjid dan surau-sarau berada dalam keadaan baik dan selesa untuk umat islam beribadat.
- c) Sumbangan disalurkan mengikut keperluan serta tertakluk kepada Bajet MBI yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah dan aliran tunai bersih yang dimiliki oleh MBI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PROJEK MARRIS - DUN KOTA DAMANSARA N39**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan untuk tempoh 5 tahun lepas bagi DUN Kota Damansara N39 (melibatkan MBSA, MBPJ)?
- b) Kemanakah peruntukan tersebut telah digunakan secara terperinci (kawasan, siapa kontraktor dan kos)?
- c) Apakah projek yang sedang berjalan dan baki peruntukan untuk tahun 2019?

**JAWAPAN:**

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**

- a) Anggaran peruntukan untuk DUN Kota Damansara bagi setiap tahun adalah sebanyak RM1.5. juta. Jumlah ini diperuntukkan untuk DUN Kota Damansara bagi kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam.
- b) Pihak Majlis secara keseluruhannya melaksanakan projek-projek MARRIS untuk membaharumuka jalan. Mengganti dan membaik pulih longkang, mengganti kabel lampu jalan serta membaiki cerun.

<b>PROJEK MARRIS 2019 SEKSYEN JALAN</b>			
<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>KONTRAKTOR</b>	<b>ANGGARAN KOS</b>
1.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan 25/59, 25/59A, 25/59B, 25/59C, 25/80, 25/80A, 25/80B, 25/80C, 25/80D, 25/116, 25/117, 25/117B, 25/118, 25/118A, 25/118B, Serta Lorong Tepi, Seksyen 25, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam	Orgamix Enterprise	RM406,265.00
2.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan 27/20, 27/20A, 27/20B, 27/20C, 27/20D, 27/21, 27/22, 27/23, 27/24, 27/24A, 27/24B, 27/24C Dan 27/25, Seksyen 27, Shah Alam	Teraju Cahaya Trading	RM663,040.00

**PROJEK MARRIS 2019  
SEKSYEN JALAN**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>KONTRAKTOR</b>	<b>ANGGARAN KOS</b>
	Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam		
3.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan Dan Kerja Berkaitan Di Kawasan Perumahan Taman Sri Damai, Jalan Sungai Rincing 32/63, 32/63A, 32/63B, 32/63C, 32/63D, 32/63E, 32/63F, 32/64, 32/64A, Dan 32/64B Seksyen 32, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam	Namy Master Resources	RM502,130.00
4.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Opera A U2/A, Jalan Opera B U2/B, Jalan Opera C U2/C, Jalan Opera F U2/F, Jalan Opera G U2/G Dan Jalan Hakim U2/IK, SEKSYEN U2, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam	Rizqi Noura Enterprise	RM486,801.00
5.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Duta U1/12, U1/12A, U1/12B, U1/12C, U1/12D, U1/12E, U1/12F, Seksyen U1 Dan Jalan Pinggiran Golf U2/48, U2/48A Dan U2/48B Seksyen U2, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam	Right Leap Sdn Bhd	RM518,120.00
6.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan 20/1, Seksyen 20, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam	Hazmin Nizam Trading	RM496,910.00
7.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan Dan Kerja Berkaitan Di Sebahagian Jalan Persiaran Anggerik Eria (Daripada Bulatan Kecil Persiaran Anggerik Aranda Sehingga Berhampiran Simpang Jalan Hospital Colombia) Seksyen 32, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam	Donmika Resources	RM1,609,580.20
8.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan Dan Kerja Berkaitan Di Sebahagian Jalan Persiaran Anggerik Mokara (Dari Sempadan Keras Sehingga Berhampiran Susur Keluar Jalan Bukit Meru Dan Dari Bulatan Ketiga Sehingga Berhampiran Jalan Anggerik Mokara 31/59) Seksyen 31, Shah Alam	NBS Jitu Enterprise	RM974,540.00

**PROJEK MARRIS 2019  
SEKSYEN JALAN**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>KONTRAKTOR</b>	<b>ANGGARAN KOS</b>
9.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Persiaran Setia Indah Seksyen U13, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam	Bluebox Construction Sdn Bhd	RM844,250.00
10.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Pusat Komersial Jalan Plumbum T 7/T, U 7/U, V 7/V, W 7/W, X 7/X, Y 7/Y, Z 7/Z, AA 7/AA, AB 7/AB, AC 7/AC Dan Termasuk Lorong Belakang Seksyen 7, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam	Principal Energy Ventures	RM842,210.00
11.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Persiaran Jubli Perak (Dari Bulatan Andalus Ke Bulatan Jubli Perak), Seksyen 18, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam	Wiracool Engineering Sdn Bhd	RM1,484,000.00
12.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Kawasan Perumahan Platinum Jalan 7/38, 7/39, 7/39A, 7/40 Dan 7/40A, Seksyen 7, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam	Wanila Resources	RM262,059.20
13.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Tasik Raja Lumu U4/14, U4/15, Dan U4/16 Seksyen U4, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam	Melarich Resources	RM274,993.00
14.	Cadangan Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Sebahagian Jalan 26/24 Dan Jalan 26/24D, Seksyen 26, Shah Alam	Farmer Green Engineering	RM307,330.00
<b>JUMLAH</b>			<b>RM9,672,228.40</b>

<b>PROJEK MARRIS 2019 SEKSYEN SALIRAN</b>			
<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>KONTRAKTOR</b>	<b>ANGGARAN KOS</b>
1.	Cadangan Kerja-Kerja Mengganti Dan Membaikpulih Longkang Sedia Ada Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Bulan U5/163, Cadangan Kerja-Kerja Mengganti Dan Membaikpulih Longkang Sediada Ada Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan 1A/4, 1A/5, 1A/6, 1A/7, 1A/8, 1A/9 Jalan 1B/1, 1B/4, 1B/5, 1B/6, 1B/9, Bandar Baru Sungai Buloh (Fasa 1) Seksyen U20 Shah Alam Untuk MBSA	Supar Welding & Construction	RM1,224,171.00
2.	Cadangan Kerja-Kerja Mengganti Dan Membaikpulih Longkang Sediada Ada Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Bulan U5/163, U5/164, U5/165, U5/167, U5/168, U5/169, U5/170, U5/171, U5/172, U5/173, Jalan Marih U5/174, U5/175, U5/175A, U5/176, Jalan Zuhail U5/177, U5/178, U5/178A, Seksyen U5, Shah Alam Untuk MBSA	CA Maju Enterprise	RM721,800.00
3.	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Longkang Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Sekitar Persiaran Sabak Berham, Jalan 26/8, 26/9, 26/13, 26/16, 26/19 DAN 26/21 Seksyen 26, Shah Alam Untuk MBSA	Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat	RM674,850.00
4.	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Longkang Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan 27/8, 27/27 Dan 27/54, Seksyen 27, Shah Alam Untuk MBSA	I Be Trading	RM646,280.00
5.	Cadangan Kerja-Kerja Mengganti Dan Membaikpulih Longkang Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan 13/26, 13/27, 13/28, 13/29, 13/30, 13/31 Dan 13/32, Sekseyn 13, Shah Alam Untuk MBSA	Muzahar Bin Kamaruddin	RM1,224,171.00
6.	Cadangan Kerja-Kerja Mengganti Dan Membaikpulih Longkang Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan A 15/A, B 15/B, C 15/C, D 15/D, Seksyen 15 Dan Jalan 16/3 Dan Jalan 16/3A, Seksyen 16, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam	Perkongsian Jaya Sdn. Bhd	RM800,000.00
<b>JUMLAH</b>			<b>RM5,291,272.00</b>



**PROJEK MARRIS 2019  
SEKSYEN PENYELENGGARAAN ELEKTRIK**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>KONTRAKTOR</b>	<b>ANGGARAN KOS</b>
1.	Cadangan Kerja-Kerja Mengganti Kabel Lampu Jalan Sediaada Dan Kerja Berkaitan Di Jalan 28/21, 28/22, 28/23, 28/24, 28/30, 28/31, 28/32, 28/35 Dan 28/36 Seksyen 28, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam	MKZ Maintenance SB	RM415,305.00
2.	Cadangan Kerja-Kerja Mengganti Kabel Lampu Jalan Sedia Ada Dan Yang Berkaitan Di Jalan A U13/A, K U13/K, L U13/L, M U13/M, N U13/N, P U13/P, Q U13/Q, R U13/R, Seksyen U13, Setia Alam, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.	Constant Resources Supplies Services SB	RM412,715.00
3.	Cadangan Kerja-Kerja Menggantikan Kabel Lampu Jalan Sedia Ada Dan Yang Berkaitan Di Jalan 16/11, 16/12A, 16/13, 16/13A, 16/13B, 16/13C, 16/13D Dan 16/13E, Seksyen 16 Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.	Naddan Pelangi SB	RM366,000.00
4.	Cadangan Kerja Mengganti Kabel Lampu Jalan Sediaada Dan Yang Berkaitan Di Kawasan Persiaran Sungai Selangor, Seksyen 32 Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.	Faiz Niaga Enterprise	RM415,305.00
5.	Cadangan Kerja-Kerja Menggantikan Kabel Lampu Jalan Sedia Ada Dan Yang Berkaitan Di Sebahagian Persiaran Fajar, Jalan U5/63, U5/55 Dan Jalan U5/46, Seksyen U5 Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.	Asda Engineering SB	RM414,560.00
6.	Cadangan Kerja-Kerja Menggantikan Kabel Lampu Jalan Sedia Ada Dan Yang Berkaitan Di Persiaran Selangor Dari Bulatan Kemajuan Ke Simpang Jalan Padang Jawa, Seksyen 16, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.	Muiz Tech	RM240,149.00
7.	Cadangan Kerja-Kerja Menggantikan Kabel Lampu Jalan Sedia Ada Dan Yang Berkaitan Di Persiaran Dato Menteri Dari Bulatan Permai Seksyen 3 Hingga Bulatan Mestika Seksyen 6, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.	Saha Teguh SB	RM199,185.00
8.	Cadangan Kerja-Kerja Menggantikan Kabel Lampu Jalan Sedia Ada Dan Yang Berkaitan Di Jalan Duta U1/12, U1/12A,	Padu Tiga Elektrikal SB	RM269,150.00

<b>PROJEK MARRIS 2019 SEKSYEN PENYELENGGARAAN ELEKTRIK</b>			
<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>KONTRAKTOR</b>	<b>ANGGARAN KOS</b>
	U1/12B, U1/12C, U1/12D, U1/12E, U1/12F DAN U1/12G, Seksyen U1, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.		
9.	Cadangan Kerja-Kerja Menggantikan Kabel Lampu Jalan Sedia Ada Dan Yang Berkaitan Di Kawasan Komesial Di Jalan SP 4/1, SP4/2 Dan SP 4/3, Subang Perdana, Seksyen U3, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam	Senggarang Jaya Enterprise	RM138,410.00
10.	Cadangan Kerja-Kerja Mengganti Kabel Lampu Jalan Sediaada Dan Kerja Berkaitan Di Jalan U11/3, U11/4, U11/5, U11/6 DAN U11/7, Seksyen U11, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.	Mutiara Iman Venture	RM271,00.00
11.	Cadangan Kerja-Kerja Mengganti Kabel Lampu Jalan Sediaada Dan Kerja Berkaitan Di Jalan 8/1, Seksyen 8, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.	Segmen Efektif SB	RM174,800.00
12.	Cadangan Kerja-Kerja Mengantikan Kabel Sistem Lampu Isyarat Sedia Ada Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Simpang SA12 (Hadapan Pintu Masuk UiTM), Persiaran Kayangan/ Persiaran Permai, Seksyen 7, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.	Sahata Services	RM174,800.00
13.	Cadangan Kerja-Kerja Mengantikan Kabel Sistem Lampu Isyarat Sedia Ada Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Simpang SA37 , Persiaran Kemajuan/ Persiaran Jubli Perak, Seksyen 16, Shah Alam Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.	Tender Semula	-
<b>JUMLAH</b>			<b>RM3,220,379.00</b>

- c) Projek MARRIS yang sedang dijalankan di tapak adalah projek Seksyen Jalan, Seksyen Saliran dan Seksyen Penyelenggaraan Elektrik. Projek MARRIS bagi DUN Kota Damansara 2019 adalah seperti berikut:

Seksyen Jalan

Cadangan kerja-kerja membaharumuka jalan dan kerja-kerja berkaitan di Jalan Tasik Raja Lumu U4/14, U4/15, dan U4/16 Seksyen U4, Shah Alam untuk Majlis Bandaraya Shah Alam (T25/2019) (RM274,993.00)

### Seksyen Saliran

Cadangan kerja-kerja mengganti dan membaikpulih longkang sedia ada dan kerja-kerja berkaitan di Jalan Bulan U5/163, U5/164, U5/165, U5/167, U5/168, U5/169, U5/170, U5/171, U5/172, U5/173, Jalan Marih U5/174, U5/175, U5/175a, U5/176, Jalan Zuhal U5/177, U5/178, U5/178a, Seksyen U5, Shah Alam untuk MBSA (725/2019) (RM721,800.00)

### Seksyen Penyelenggaraan Elektrik

Cadangan kerja-kerja menggantikan kabel lampu jalan sedia ada dan yang berkaitan di sebahagian Persiaran Fajar, Jalan U5/63, U5/55 dan Jalan U5/46, Seksyen U5 Shah Alam untuk Majlis Bandaraya Shah Alam (T34/2019) (RM414,460.00)

Baki jumlah peruntukan adalah sebanyak RM88,647.00. Baki ini boleh digunapakai untuk bajet tambahan projek fasa 2 MARRIS pada masa akan datang.

## **MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

- a) Peruntukan bagi DUN Kota Damansara N39 UNTUK Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah seperti berikut:
- i) 2014: RM 1,343,040.00
  - ii) 2015: RM 5,372,074.67
  - iii) 2016: RM 11,329,848.37
  - iv) 2017: RM 6,314,772.45
  - v) 2018: RM 2,296,944.36
- b) Sila rujuk di **Lampiran C**
- c) Berikut adalah senarai projek yang sedang berjalan di kawasan DUN Kota Damansara N39:

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>KOS PROJEK (RM)</b>	<b>STATUS</b>
1	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih, Membekal, Memasang Dan Menyiapkan 'Pedestrian Railing' Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan Persiaran Mahogani Dan Jalan PJU 3/31, Kota Damansara, Petaling Jaya.	302,000.00	Proses Serahan Tapak

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>KOS PROJEK (RM)</b>	<b>STATUS</b>
2	Cadangan Menurap Semula Jalan Secara 'Mill & Pave' Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Cecawi 6/1, Jalan Cecawi 6/1a, Jalan Cecawi 6/1b, Jalan Cecawi 6/1c Dan Sebahagian Jalan Cecawi 6, Kota Damansara, Petaling Jaya.	359,901.25	Sedang Berjalan
3	Cadangan Menurap Semula Jalan Secara 'Mill & Pave' Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Sepah Puteri 5/2, Jalan Sepah Puteri 5/3, Kota Damansara, Petaling Jaya.	410,767.20	Sedang Berjalan
4	Cadangan Menurap Semula Jalan Secara 'Mill & Pave' Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Kg Selamat 1, Jalan Kg Selamat 2, Jalan Kg Selamat 3, Jalan Kg Selamat 4, Jalan Kg Selamat 4a, Jalan Kg Selamat 5, Jalan Kg Selamat 5a, Jalan Kg Selamat 6, Jalan Kg Selamat 7, Jalan Kg Selamat 8 Dan Jalan Kg Selamat 9, Pju 5, Kota Damansara Petaling Jaya.	148,370.00	Siap
5	Cadangan Menurap Semula Jalan Secara 'Mill & Pave' Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Polo 10/2, Jalan Polo 10/3, Jalan Polo 10/4, Jalan Polo 10/5, Jalan Polo 10/6, Kota Damansara, Petaling Jaya.	400,096.00	Sedang Berjalan
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,621,134.45</b>	

Baki peruntukan pada tahun 2019: **TIADA**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PERUNTUKAN JKR - DUN KOTA DAMANSARA N39**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan yang telah diluluskan untuk tahun ini dan 5 tahun yang lepas?
- b) Apakah projek yang telah dan sedang berjalan untuk 5 tahun yang lepas termasuk tahun ini?

**JAWAPAN:**

- a) Peruntukan yang telah diluluskan untuk tahun ini dan 5 tahun yang lepas bagi projek infrastruktur jalan di DUN Kota Damansara adalah seperti berikut:

Peruntukan Bagi Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri

<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan Penyelenggaraan Jalan Persekutuan (RM)</b>	<b>Peruntukan Penyelenggaraan Jalan Negeri (RM)</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>
2015	-	3,156,100.00	3,156,100.00
2016	6,030,000.00	2,133,000.00	8,163,00.00
2017	1,750,008.80	1,736,118.00	3,486,126.80
2018	2,414,278.93	2,533,931.00	4,948,209.93
2019	2,308,304.66	964,938.89	3,273,243.55
<b>JUMLAH</b>	<b>12,502,592.39</b>	<b>10,524,087.89</b>	<b>23,026,680.28</b>

- b) Sila rujuk **Lampiran A, B dan C** bagi senarai projek yang telah dan sedang berjalan untuk 5 tahun yang lepas termasuk tahun ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : KESATUAN-KESATUAN SEKERJA YANG BERDAFTAR DENGAN  
(RTU) DALAM NEGERI SELANGOR**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senarai terperinci nama dan alamat kesatuan yang aktif di Negeri Selangor.
- b) Berapa jumlah ahli-ahli kesatuan dari setiap kesatuan yang berdaftar?
- c) Siapakah Pegawai Kesatuan/AJK serta nombor pejabat atau lain-lain untuk rujukan?

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Sehingga Disember 2018, terdapat sebanyak 291 buah kesatuan sekerja berdaftar di Negeri Selangor dengan keanggotaan berjumlah 658,110. Daripada pecahan bilangan kesatuan ini, 54 buah kesatuan adalah daripada sektor awam, 32 buah kesatuan sektor badan berkanun dan 205 buah kesatuan adalah daripada sektor swasta.

Berhubung dengan nama dan alamat kesatuan bagi setiap kesatuan sekerja di Negeri Selangor, mohon pihak Y.B. berurusan secara bertulis dengan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Selangor dan Wilayah Persekutuan melalui alamat berikut:-

Tingkat 2, Bangunan Darul Ehsan  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-55193233

Namun begitu, maklumat terperinci berhubung dengan kesatuan tersebut seperti jumlah ahli, nama Pegawai Kesatuan/ AJK dan sebagainya, pihak Y.B boleh berurusan terus dengan kesatuan sekerja berkenaan atau melalui kelulusan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja sebagaimana di bawah peruntukan Seksyen 70(1), Akta Kesatuan Sekerja 1959.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : SUMBANGAN KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN DI DUN  
KOTA DAMANSARA N39 OLEH KERAJAAN NEGERI SERTA AGENSI  
KERAJAAN (MBI DAN LAIN-LAIN)**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sekolah-sekolah manakah di N39 yang telah dan akan menerima peruntukan tersebut dalam tahun 2019 dan 5 tahun yang lalu (2014-2018)?
- b) Untuk apakah sumbangan tersebut disalurkan dan bila?
- c) Adakah sebarang dana selain dari peruntukan ADUN untuk membantu pengurusan, pembangunan atau penyelenggaraan sekolah ?

**JAWAPAN:**

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER  
MANUSIA (BPSM), SUK**